



PROGRAM
KEM KESEDARAN
ALAM SEKITAR (KEKAS)

SEMPENA

SAMBUTAN HARI OZON
PERINGKAT NEGERI MELAKA 2020

TEMPAT : KEM PERMATA RESORT,
ALOR GAJAH MELAKA

TARIKH : 11 - 13 SEPTEMBER 2020

"35 Years Of Ozone Layer Protection"

Dengan Kerjasama



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Kem Permata
RESORT



LATAR BELAKANG PROGRAM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

Penggunaan bahan kimia dalam pelbagai sektor pembangunan dan kehidupan harian manusia membawa pelbagai faedah dan kesenangan kepada manusia sejagat. Namun begitu penggunaan bahan yang tidak mesra ozon akan menyebabkan kemerosotan lapisan ozon di stratosfera yang akan memberikan kemudaratan kepada semua lapisan kehidupan di bumi ini.

Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab dalam memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat tentang kepentingan menguruskan alam sekitar dengan baik memandangkan isu penipisan lapisan ozon semakin membimbangkan dunia. Pendedahan tentang kepentingan perlindungan lapisan ozon perlulah diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat supaya tanggungjawab memelihara lapisan ozon dapat dipikul bersama demi kebaikan sejagat.

OBJEKTIF PROGRAM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

1. Memberi pendedahan mengenai kepentingan lapisan ozon dan aktiviti/bahan yang menyumbang kepada penipisan lapisan ozon;
2. Melahirkan kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan memelihara lapisan ozon;
3. Memberi informasi mengenai undang-undang, peraturan-peraturan dan program-program yang sedia ada berkaitan dengan kawalan penggunaan *Chlorofluorocarbon (CFC)/Hydrochlorofluorocarbon (HCFC)* di Malaysia dan di peringkat antarabangsa

LATAR BELAKANG PROGRAM KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar memerlukan pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk seawal mungkin kerana ia menjadi faktor penentu ke arah amalan cara hidup yang lestari pada masa akan datang;

Kem Kesedaran alam sekitar merupakan salah satu inisiatif berterusan Jabatan Alam Sekitar bagi memupuk pembudayaan dan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

OBJEKTIF PROGRAM KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR

1. Memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan kesedaran alam sekitar;
2. Membina sikap positif dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam persekitaran dan keindahan alam semula jadi;
3. Membentuk sikap kerjasama individu dalam pemuliharaan alam sekitar yang berterusan; dan
4. Membolehkan para peserta menikmati beberapa aktiviti rekreasi berteraskan alam sekitar.

**PROGRAM KEM KESEDARAN ALAM
SEKITAR DAN PERLINDUNGAN LAPISAN
OZON SEMENA SAMBUTAN HARI OZON
SEDUNIA PERINGKAT NEGERI MELAKA
TAHUN 2020**

**TEMPAT : KEM PERMATA RESORT , ALOR
GAJAH MELAKA**

ATURCARA PROGRAM

**1.1 Hari Pertama (Jumaat 11 September
2020)**

MASA	PROGRAM
2.45 – 3.15 ptg	Pendaftaran Peserta di Rumah Melaka
3.15 – 3.30 ptg	Taklimat program
3.30- 5.30 ptg	Pembentangan 1: Hari Ozon Sedunia (Ozone for life) <ul style="list-style-type: none">- MY IPU Aps- Pengujian gas pendingin hawa kenderaan menggunakan RI (Refrigeran Identifier)
5.30-7.00 ptg	Aktiviti bebas

7.00 – 8.00 ptg	Makan malam
8.00 - 10.00mlm	KEM KEKAS

1.2 Hari kedua (Sabtu 12 September 2020)

MASA	PROGRAM
7.00- 7.30 pagi	Senamrobik
7.30-8.00 pagi	Sarapan pagi
8.30-10.30 pagi	Pembentangan 2 : Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC dan Pencapaian Malaysia
10.30-10.45pagi	Minum pagi
10.45- 1.00 tgh	Perkongsian daripada agensi KASTAM berkenaan bahan pemusnah ozon di pintu masuk negara
1.00- 2.30 ptg	Rehat dan makan tengahari
2.30-3.30 ptg	Taklimat dari SWCorp Sdn. Bhd. -Demonstrasi pembuatan baja kompos terkini
3.30-4.45 ptg	Taklimat dari Jabatan Pertanian Melaka -Pertanian bandar + Hands On
4.45-5.00 ptg	Minum petang

5.00- 7.00 ptg	Aktiviti luar (water confident) / aktiviti berhalangan
7.00– 8.00 ptg	Makan malam
8.30 - 10.00 mlm	<ul style="list-style-type: none"> - Pembahagian kumpulan - Punca, kesan dan cara mengatasi penipisan lapisan ozon. -pembentangan kumpulan

1.3 Hari ketiga (Ahad 13 September 2020)

MASA	PROGRAM
7.00 – 7.30 pagi	Senamrobik
8.30 – 10.00 pagi	Pemeliharaan Lapisan Ozon - Aplikasi Modul Kesedaran Ekosistem Pertanian Organik dan kaitan dengan penipisan lapisan ozon.
10.00- 10.15 pagi	Minum pagi
10.30-12.00 tgh	Majlis Perasmian Penutup dan penyampaian sijil kepada peserta
12.00- 1.00 tgh	Makan tengahari dan bersurai

PENGHARGAAN

1. JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA
2. SEKSYEN OZON, BAHAGIAN UDARA, JAS
IBUPEJABAT
3. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
4. JABATAN PERTANIAN MELAKA
5. PERBADANAN PENGURUSAN SISA
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(SWCorp)
6. KEM PERMATA RESORT ALOR GAJAH